



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM KECERIAAN ALAM SEKITAR @ ROBINA
ECO PARK, BUTTERWORTH**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**06 OKTOBER 2024 (AHAD)
7.00 PAGI**

**ROBINA ECO PARK
BUTTERWORTH
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Azizul Kamaredzuan Bin Azizul Akimi

Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam **Program Keceriaan Alam Sekitar @ Robina Park** di Taman Eko Robina, Butterworth.
2. Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, Pegawai yang mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), warga kerja MBSP, para penduduk setempat, guru dan pelajar daripada lima (5) sekolah di Daerah Seberang Perai Utara dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan program pada pagi ini.
3. Sekalung tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran kerana telah berjaya menganjurkan program pada pagi ini.
4. Saya berasa amat gembira kerana dapat bersama-sama dengan anda semua dalam suasana yang meriah ini. Syabas dan Tahniah atas kesungguhan serta komitmen yang ditunjukkan oleh jawatankuasa penganjur iaitu Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan warga MBSP dalam menjayakan Program Keceriaan Alam Sekitar ini. Usaha

sebegini merupakan satu usaha yang murni kerana ianya secara langsung dapat memberi kesedaran kepada kita semua bahawa pemeliharaan alam sekitar dan amalan kitar semula itu sebenarnya adalah hak dan tanggungjawab kita bersama.

5. Program ini diadakan sempena Sambutan Hari Bandaraya menggunakan geran yang disalurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi pelaksanaan Program LA21 dengan nilai sebanyak RM30,000.00. Terima kasih diucapkan kepada pihak KPKT di atas penyaluran peruntukan ini. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan lagi pada tahun-tahun yang akan datang
6. Program ini melibatkan penyertaan lima sekolah rendah dan menengah yang terlibat aktif dengan Program Sekolah Hijau anjuran MBSP, dan juga komuniti setempat serta penggiat kitar semula seluruh Seberang Perai bagi menggalakkan masyarakat bergiat aktif dalam usaha menjaga kebersihan alam sekitar serta membuat pengasingan sisa di punca dan membuat pengumpulan barangan kitar semula agar sisa kitar semula tidak terus dibuang ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB).
7. Program ini melibatkan agensi-agensi kerajaan dan swasta bagi memberi pendedahan pendidikan melalui aktiviti interaktif dan pameran-pameran berkaitan alam sekitar. Agensi yang terlibat adalah Jabatan Alam Sekitar, Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang

(Grew), Persatuan Tzu Chi Taman Pandan Butterworth., Syarikat Arus Oil, GRN Industries Sdn. Bhd., Greenviro Solutions Sdn. Bhd., Miraico Sdn. Bhd., Jabatan Kesihatan MBSP, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran khususnya Unit Promosi Pendidikan Alam Sekitar MBSP dan Unit *Upcycle* MBSP.

8. Program Keceriaan Alam Sekitar ini bukan sekadar satu aktiviti, tetapi juga membuka ruang untuk memperbaiki dan memperkukuhkan komuniti secara keseluruhan, di samping dapat meningkatkan kualiti dan kebersihan persekitaran serta menambahbaik kemudahan infrastruktur di kawasan setempat. Tinggi harapan saya, agar program sebegini dijadikan wadah permulaan semangat cintakan alam sekitar di kalangan penduduk Seberang Perai dan budaya kesepakatan menjaga alam sekitar melalui amalan kitar semula dan *upcycle* sentiasa diamalkan.
9. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat di atas komitmen dalam penganjuran program yang berfaedah ini. Saya berharap program-program plogging, bengkel *upcycle* dan pameran ini dapat mencapai objektifnya dan mampu mencetuskan anjakan paradigma baru di kalangan kakitangan MBSP.

10. Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz **Bismillahi Rahmanir Rahim**, merasmikan **Program Keceriaan Alam Sekitar @ Robina Eco Park, Butterworth**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.